

BAB 2

BAB 2

KATA KERJA MĀḌĪ DALAM BAHASA ARAB

2.1 Konsep Kata Kerja

Kata kerja ialah sesuatu perkataan yang menunjukkan hubungan di antara perbuatan dan masa.¹ Masa yang dimaksudkan di sini sama ada masa yang telah lalu, masa yang sedang berlaku atau masa yang akan berlaku sesuatu perbuatan tersebut semasa ujaran.

Dalam bahasa Arab terdapat tiga bentuk binaan kata kerja iaitu Kata Kerja Māḍi, Kata Kerja Muḍāri' dan Kata Kerja Amr. Walau bagaimanapun, perbincangan dalam projek penyelidikan ini hanya tertumpu kepada Kata Kerja Māḍi dan Kata Kerja Muḍāri' sahaja kerana ia ada perkaitan langsung dengan ayat-ayat al-Quran yang dipaparkan.

Setiap bentuk kata kerja bahasa Arab dikenali melalui pola-pola morfologinya yang tersendiri. Secara umumnya, pola morfologi Kata Kerja Māḍi menerangkan berlakunya perbuatan sebelum masa ujaran, manakala Kata Kerja Muḍāri' menerangkan perbuatan yang berlaku pada ketika dan selepas masa ujaran dan Kata Kerja Amr menunjukkan perbuatan yang berlaku selepas ujaran.

¹ Al-Nahwu al-Wāfi. Abbās Hassan.1970. Jil 1/46.

2.2 Definisi Kata Kerja Māḍi

Kata Kerja Māḍi ialah kata kerja asas dalam bahasa Arab yang hanya terdiri daripada huruf-huruf asalnya sahaja dan ia juga mempunyai makna leksikel yang berfungsi sebagai kata akar bagi Kata Kerja Muḍāri' dan Kata Kerja Amr. Kata Kerja Māḍi juga diterjemahkan sebagai kata kerja kala lepas yang biasanya digunakan untuk menyatakan sesuatu perbuatan yang telah berlaku pada masa yang telah lepas. Cara dan tanda bacaannya adalah nukilan daripada sebutan orang Arab Fushā. Dalam kebanyakan kitab nahu Arab, Kata Kerja Māḍi bermaksud sesuatu perbuatan yang mengandungi dua perkara iaitu, perbuatan dan masa yang telah dilalui sebelum ujaran.

Selain mengetahui Kata Kerja Māḍi daripada pola asasnya melalui kamus-kamus Arab, ia juga boleh dikenali apabila kata kerja tersebut bersambung dengan huruf-huruf berikut:

- a) Tā' al-Ta'nīth yang berbaris mati atau sukun seperti (ذَهَبْتَ)
- b) Tā' yang berbaris di atas atau fathah, berbaris di bawah atau kasrah dan berbaris di hadapan atau dhammah yang dikenali sebagai al-Ta' al-Mutaharrikat seperti (ذَهَبْتُ - خَرَجْتُ - قَرَأْتُ)
- c) Wāw al-Jamā'at seperti (كَتَبُوا)
- d) Alif al-Ithnain seperti (كَتَبَا)
- e) Nūn al-Niswat seperti (كَتَبْنَ)
- f) (نَا) yang menunjukkan kepada pelaku yang ramai ke atas sesuatu perbuatan seperti (كَتَبْنَا)

Walau bagaimanapun, terdapat juga perkataan yang menunjukkan Kata Kerja Māḍi tetapi ia tidak boleh menerima tanda-tanda seperti yang telah disebutkan dan ini dinamakan *Ism Fi'l Māḍi* (Kata Nama bagi Kata Kerja Māḍi). Contoh: هَيَّاتٌ yang bermakna (*jauh*) dan شَتَّانٌ yang juga bermakna (*jauh*).²

2.3 Pola Kata Kerja Māḍi

2.3.1 Binaan Asal

Terdapat tiga bentuk bacaan pada huruf kedua kata asas di dalam Kata Kerja Māḍi ini, iaitu berbaris di atas atau fathah seperti ذَهَبَ (فَعَلَ) maknanya *telah pergi*, berbaris di bawah atau kasrah seperti مَرِضَ (فَعِلَ) maknanya *telah sakit* dan berbaris di hadapan atau ḍhammah seperti كَرُمَ (فَعُلَ) maknanya *telah mulia*. Ketiga-tiga pola ini dinamakan Kata Kerja Māḍi Mujarrad iaitu tidak menerima sebarang huruf tambahan padanya.

2.3.2 Binaan Berimbuhan

Pola kata Kerja Māḍi ini boleh juga menerima huruf-huruf tambahan dan ia boleh membina sepuluh pola lain yang dinamakan Kata Kerja Māḍi Mazīd. Ia membawa maksud perubahan yang berlaku pada bentuk kata kerja yang asas kerana penambahan huruf-huruf imbuhan. Halaman berikutnya dikemukakan sepuluh pola Kata Kerja Māḍi Mazīd iaitu;

² Abbās Hassān. 1970. Jil 1/49

المثال	الوزن
أَكْرَمَ	أَفْعَلَ
خَاصِمَ	فَاعَلَ
فَصَلَ	فَعَلَ
أَقْطَعَ	أَفْعَلَ
أَفْتَحَرَ	أَفْعَلَ
أَحْمَرَ	أَفْعَلَ
تَبَاعَدَ	تَفَاعَلَ
تَقَضَّلَ	تَفَعَّلَ
اسْتَخْرَجَ	اسْتَفْعَلَ
اعْتَشَوْا نَبَّ	أَفْعَوْا عَلَ

Jadual 2.1 : Pola-pola Kata Kerja Māḍi Yang Berimbuhan

Setiap pola Kata Kerja Māḍi Mazīd ini berperanan membawa makna-maknanya yang tersendiri untuk menyokong makna dasarnya. Melalui pola-pola yang disebutkan ini meletakkan Kata Kerja Māḍi boleh terdiri daripada empat, lima dan enam huruf.

Selain itu, terdapat juga satu istilah yang dinamakan Kata Kerja Jāmid iaitu kata kerja yang tidak mengalami perubahan bentuk walaupun berubah konteks masanya sama ada dalam bentuk Kata Kerja Māḍi, Kata Kerja Muḍāri' atau Kata Kerja Amr. Pada halaman berikutnya terdapat beberapa perkataan yang menunjukkan Kata Kerja Jāmid bagi Kata Kerja Māḍi.³

³ Jāmi' al-Durūs al-Arabiyyat, Mustafa al-Qhayalayainiy. 2000. Jil 1/56

Maksudnya	Perkataan
Bukanlah	لَيْسَ
Hampir	كَرْبًا
Moga-moga	عَسَى ، حَرَى ، اِخْتَلَقَ
Sebaik-baik	نِعْمًا ، حَبِيبًا
Seburuk-buruk	بِئْسَ ، سَاءَ
Selain	خَلَا ، عَدَا ، حَاشَا
Jarang	قَلَمًا
Selama	طَالَمَا
Sering	كَثْرَمًا

Jadual 2.2 : Bentuk Kata Kerja Māḍi Jāmid

2.4 Keadaan Huruf Akhir Kata Kerja Māḍi

Pada asasnya keadaan akhir bagi Kata Kerja Māḍi ialah baris fathah sahaja. Walau bagaimanapun, apabila kata kerja ini bersambung dengan Waw al-Jamā'at, ia dibaca dengan baris dhammah seperti **دَهَبُوا**, dan apabila kata kerja ini bersambung dengan huruf Tā' dan Nūn yang berbaris, maka huruf akhirnya dibaca dengan berbaris mati atau sukun, contoh **دَهَبْتَ** dan **دَهَبْنَا**.

2.5 Kala Lain Bagi Kata Kerja Māḍi

Seperti yang diketahui, Kata Kerja Māḍi asalnya menunjukkan makna sesuatu peristiwa atau perbuatan yang telah dilakukan, sama ada perbuatan tersebut telah lama

berlaku atau baru sahaja berlaku. Dalam keadaan ini, ia dinamakan Kata Kerja Māḍi dari sudut lafaz dan makna. Terdapat satu keadaan, apabila kata kerja tersebut didahului dengan partikel *فَإِذَا*, ia membawa makna sesuatu peristiwa itu baru sahaja berlaku. Contohnya, apabila dikatakan *خَرَجَ الصَّاحِبَانِ*, maknanya berkemungkinan perbuatan *خَرَجَ* iaitu *telah keluar* tersebut telah lama berlaku atau baru sahaja berlaku, tetapi apabila dikatakan *فَإِذَا خَرَجَ الصَّاحِبَانِ* menunjukkan bahawa perbuatan tersebut baru sahaja berlaku.

Namun terdapat juga Kata Kerja Māḍi yang menunjukkan makna peristiwa yang akan datang. Ini bermakna perbuatan tersebut ialah Kata Kerja Māḍi dari sudut lafaz sahaja tanpa melibatkan makna. Dalam bahasa Arab terdapat beberapa keadaan hal ini berlaku, antaranya;

- a) Apabila ia memberi makna *doa*. Contoh *سَاعِدَكَ اللهُ* (*Allah akan mmenolong kamu*). Kalimah *سَاعِدَ* di sini adalah Kata Kerja Māḍi dari segi lafaz sahaja. Hal ini berlaku dalam bentuk doa sahaja kerana balasan daripada perbuatan doa ini tidak berlaku melainkan selepasnya.

- b) Apabila ia memberi makna *janji*, contohnya firman Allah Taala di dalam surah al-Kauthar, ayat 1 iaitu *إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ* (*Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadamu (wahai Muhammad) sebuah sungai di syurga*). Kata kerja *أَعْطَى* di sini membawa maksud janji Allah pada masa akan datang kerana perkataan *الْكَوْثَرَ* menunjukkan masa di syurga, iaitu keadaan yang tidak wujud lagi. Oleh sebab itu dalam keadaan seperti ini, penggunaan Kata Kerja Māḍi hanya dari segi lafaz sahaja dan tidak memberi kesan terhadap maknanya.

- c) Apabila ia mengikut makna perbuatan yang sebelumnya. Walaupun perkataan tersebut māḍi tetapi tujuan maknanya adalah mengikut perbuatan sebelumnya ataupun ia ma'tūf kepada kata kerja sebelumnya. Contohnya firman Allah Taala dalam surah al-Naml ayat 87, iaitu *يَوْمَ يُنْفَخُ فِي الصُّورِ فَمَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ* (*Dan ingatkanlah*) hari ditiup sangkakala, lalu terkejutlah makhluk-makhluk yang ada di langit dan di bumi). Dalam ayat ini kata kerja *يُنْفَخُ* ialah Kata Kerja Muḍāri' yang menunjukkan makna akan datang dan kata kerja selepasnya iaitu *فَزِعَ* ialah Kata Kerja Māḍi dari segi lafaz sahaja dan membawa makna akan datang kerana ia adalah ma'tūf atau mengikut kata kerja yang sebelumnya.
- d) Apabila ia bertujuan untuk makna al-rajā' atau *harapan* yang hanya berlaku pada masa akan datang. Biasanya digunakan perkataan *عَسَى* atau yang seumpama dengannya daripada kata kerja-kata kerja al-rajā' di dalam rumpun kata kerja al-Muqaarabat. Contohnya dalam surah al-Maaidat ayat 52, firman Allah Taala *فَعَسَىٰ اللَّهُ أَنْ يَأْتِيَهُ بِالْفَتْحِ أَوْ أَمْرٍ مِنْ عِنْدِهِ* (*Mudah-mudahan Allah akan mendatangkan kemenangan (kepada rasul Nya dan umat Islam), atau mendatangkan sesuatu hukuman di sisi-Nya (terhadap golongan yang munafik itu)*). Kata kerja *عَسَى* dalam ayat ini adalah Kata Kerja Māḍi dari sudut lafaz sahaja kerana ia membawa makna harapan yang akan datang.
- e) Jika terdapat sebelum Kata Kerja Māḍi tersebut partikel Nafi *لَا* atau *إِنْ* yang didahului dengan partikel sumpah, ia juga membawa makna akan datang. Contohnya *وَاللَّهِ لَأَزُرَّتْ الْخَائِنَ* dan firman Allah Taala dalam surah Fātir ayat 41 iaitu *وَلَنْ نَزَالَنَّا بِإِنْ أَمْسَكْتَهُمَا مِنْ أَحَدٍ مِنْ بَعْدِهِ* (*dan jika keduanya (ditakdirkan)*

berganjak maka tidak ada sesiapaupun yang dapat menahannya daripada berlaku demikian selain Allah). Di dalam contoh pertama, kata kerja *زُرْتُ* di dahului dengan partikel Nafi *لَا* dan sebelumnya terdapat partikel sumpah iaitu *أَمْسَكَ* . Begitu juga dalam contoh kedua, terdapat sebelum kata kerja *لَنْ* partikel Nafi *لَنْ* yang didahului dengan partikel sumpah iaitu al-Laam yang terdapat pada kalimah *لَنْ* . Kedua-dua kata kerja *زَارَ* dan *أَمْسَكَ* di sini adalah Kata Kerja Māḍi dari sudut lafaznya sahaja dan dari segi makna, memberi makna akan datang.

- f) Apabila Kata Kerja Māḍi tersebut terletak dalam keadaan kata kerja syarat atau jawab syarat. Contohnya, *إِنْ غَابَ عَلِيُّ غَابَ أَحْمَدُ* (*jika Ali hilang, Ahmad juga hilang*). Kata kerja *غَابَ* pada contoh di atas adalah Kata Kerja Māḍi dalam keadaan kata kerja syarat dan jawab syarat yang membawa makna akan datang.
- g) Apabila terdapat sebelum Kata Kerja Māḍi tersebut partikel *كَلَّمَا* seperti di dalam ayat al-Quran surah al-Hajj ayat 22, iaitu *كَلَّمَا أَرَادُوا أَنْ يَخْرُجُوا مِنْهَا مِنْ غَمٍّ أُعِيدُوا فِيهَا* (*tiap-tiap kali mereka hendak keluar dari neraka itu, disebabkan mereka menderita azabnya, mereka dikembalikan padanya*). Kata kerja *أَرَادُوا* di dalam ayat ini menggunakan pola Kata Kerja Māḍi dengan maksud kala hadapan kerana ia didahului dengan partikel *كَلَّمَا* .
- h) Apabila terdapat sebelum Kata Kerja Māḍi tersebut partikel *حَيْثُ* seperti di dalam surah al-Baqaraḥ ayat 150, iaitu *وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ* (*dan di mana sahaja kamu keluar, maka hadapkanlah mukamu ke arah Masjid al-Haram*). Kata kerja *خَرَجْتَ* di sini ialah Kata Kerja Māḍi yang membawa

makna untuk kala hadapan.

- i) Apabila terdapat sebelum Kata Kerja Māḍi tersebut partikel إذا seperti dalam surah Āl-Imrān ayat 25, iaitu فَكَيْفَ إِذَا جَمَعْنَاهُمْ لِيَوْمٍ لَّارْتِيَابَ فِيهِ (*bagaimanakah kelak apabila Kami kumpulkan mereka pada suatu hari (Qiamat) yang tiada sebarang keraguan itu?*). Kata kerja جَمَعْنَا di sini adalah Kata Kerja Māḍi yang membawa makna akan datang kerana terdapat partikel إذا di hadapannya.

Berdasarkan apa yang telah dinyatakan, didapati bahawa Kata Kerja Māḍi juga mempunyai kala yang berubah iaitu kala hadapan, selain mempunyai kala tetapnya yang asal iaitu kala lampau atau kala lalu.

Penggunaan pola Kata Kerja Māḍi yang menunjukkan kala hadapan memang terdapat dalam Bahasa Arab dan antaranya adalah untuk tujuan retorik. Ertinya, pola yang digunakan adalah Kata Kerja Māḍi sedangkan maksud yang dikehendaki ialah kejadian yang bakal berlaku pada kala hadapan. Semua ini penulis akan bahaskan di dalam bab keempat nanti. Fenomena ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Arab memiliki ciri bahasa yang dinamakan dwiinflexi.